

Perkhidmatan penyunatan untuk bayi lelaki

di Birmingham
dan Solihull

Panduan untuk memilih opsyen yang betul untuk anak lelaki anda

Jika anda mempertimbangkan untuk anak lelaki anda untuk disunatkan, risalah ini boleh membantu anda untuk menentukan perkhidmatan apa untuk digunakan.

Apa yang perlu anda tahu

Walaupun kebanyakan budak lelaki pulih tanpa masalah, seperti semua pembedahan penyunatan yang dijalankan membawa risiko bahaya. Anda perlu mempertimbangkan risiko tersebut sepenuhnya dan jika anda masih ingin meneruskan, pilih pengamal perubatan anda dengan berhati-hati.

NHS hanya membayar untuk keperluan penyunatan secara perubatan - ini jarang dan tidak termasuk pembedahan yang dijalankan untuk tujuan keagamaan dan budaya.

Majlis Perubatan Am (GMC) mengiktiraf bahawa penyunatan bagi lelaki boleh dijalankan atas sebab keagamaan dan budaya. Kami mencadangkan supaya anda menyemak bahawa doktor yang menjalankan prosedur tersebut berdaftar dengan GMC dan perkhidmatan yang anda putuskan untuk digunakan dijamin kualitii oleh Suruhanjaya Kualiti Penjagaan (CQC).

Anda berkemungkinan perlu membayar untuk penyunatan tersebut, jadi pastikan anda telah bersetuju dengan jumlah harga secara bertulis sebelum prosedur itu.

Umur

Kami mencadangkan supaya penyunatan anak lelaki anda dilakukan ketika dia masih muda. Oleh itu, menghubungi pengamal perubatan anda lebih awal untuk nasihat adalah dicadangkan. Jika anak lelaki anda lebih tua atau anda mempertimbangkan penyunatan ketika dewasa, ia tidak dinasihatkan untuk menjalankan penyunatan tersebut di luar tetapan hospital, jadi sila bincangkan opsyen anda dengan GP anda.



Persetujuan

Kedua-dua ibu bapa dan/atau penjaga dengan tanggungjawab ibu bapa mesti memberikan persetujuan sebelum pembedahan tersebut berlaku. Persetujuan bermakna anda inginkan anak lelaki anda disunatkan dan bahawa pembedahan serta risiko yang berpotensi telah diterangkan kepada anda.

Anda bebas untuk bertanyakan soalan. Semua pengamal perubatan yang bagus gembira untuk menjawab soalan anda. Anda mesti berasa yakin dengan pengamal perubatan yang anda gunakan.

Pengamal perubatan perlu bertanya tentang kesihatan anak lelaki anda dan sejarah kesihatan keluarga anda sebelum menjalankan penyunatan tersebut. Anak lelaki anda perlu sihat sebelum melakukan penyunatan.

Di manakah saya boleh sunatkan anak lelaki saya?

Terdapat pelbagai pengamal perubatan sunat yang berdaftar dengan CQC, yang boleh menjalankan pembedahan di Birmingham dan Solihull, atau di kawasan lain.

Untuk butiran mereka, sila lawati www.cqc.org.uk/search dan taipkan "sunat" dan kawasan atau lokasi.

Hadir semasa penyunatan

Jika anda ingin bersama anak lelaki anda ketika penyunatan dijalankan, anda perlu bercakap tentang perkara ini dengan orang yang akan menjalankan penyunatan tersebut. Sesetengah, bukan semua, pengamal perubatan gembira atas kehadiran anda, jadi bincangkan perkara ini ketika anda menghubungi mereka buat pertama kali.

Bersih dan steril

Tempat tersebut perlu bersih. Steril, instrumen sekali guna perlu digunakan untuk mengurangkan risiko anak lelaki anda daripada mendapat jangkitan. Pengamal perubatan yang bagus akan menggunakan peralatan dan teknik yang direka untuk menjadikan pembedahan selamat yang mungkin.

Anda mungkin ingin menjadikan bahagian penyunatan bagi sambutan keluarga, tetapi ingat, penyunatan adalah satu pembedahan dan perlu dijalankan di tempat yang sesuai iaitu tempat yang senyap dan bersih dengan peralatan yang disteril.

Pengurusan kesakitan

Bersunat mungkin menyakitkan untuk anak lelaki anda. Anda perlu diberitahu tentang cara pengurusan kesakitan semasa penyunatan dan cara untuk mengurangkan rasa sakitnya selepas itu di rumah.

Jagaan susul

Anak lelaki anda perlu berada di premis selama sekurang-kurangnya 30 minit selepas pendarahan daripada penyunatan berhenti. Kakitangan perlu menerangkan apa yang berlaku seterusnya dan cara untuk menjaga anak lelaki anda. Apabila anda balik ke rumah, anda perlu diberikan risalah yang terperinci tentang cara untuk menjaga anak lelaki anda, termasuk bila dan di mana untuk mendapatkan bantuan, dan sebarang tanda untuk diperhatikan. Anda perlu diberikan nombor kenalan untuk dihubungi di luar waktu pejabat.

Jika anda berasa bimbang tentang anak lelaki anda selepas penyunatan, anda perlu menghubungi pengamal perubatan dengan segera. Jika anda tidak dapat menghubungi mereka, atau tidak sukakan nasihat mereka, anda perlu menghubungi **NHS 111** atau membawa anak lelaki anda ke A&E tempatan anda.

Ingat, jika anda tiba untuk penyunatan dan anda tidak sukakan apa-apa atau bimbang tentang kesihatan anak lelaki anda atas sebarang sebab, anda tidak perlu menjalani penyunatan pada masa ini. Mana-mana pengamal perubatan perlu mendengar kebimbangan anda dan menyusun semula atau membatalkan jika itu yang anda inginkan.

Aduan

Jika anda tidak gembira dengan perkhidmatan yang anda terima, bercakap dengan pengamal perubatan yang menjalankan penyunatan itu terlebih dahulu. Jika anda tidak sukakan respons mereka, anda boleh menghubungi sama ada Majlis Perubatan Am atau Majlis Kejururawatan dan Perbidanan.

Pemotongan Genital Wanita

la menyalahi undang-undang di bawah Akta Mutilasi Genital Wanita (2003) untuk menjalankan Pemotongan Genital Wanita (FGC) – anda boleh didakwa kerana mengatur perkara ini atau menjalankan FGC, sama ada di UK atau mana-mana negara lain. Sesiapa yang didapati bersalah berhadapan dengan penakti maksimum penjara 14 tahun.



Pemotongan genital wanita tidak mempunyai manfaat perubatan.

Keselamatan kanak-kanak

Jika anda berasa bimbang atau mempunyai sebarang kebimbangan tentang kanak-kanak atau orang muda yang anda rasa didera, diabaikan atau dcederakan, sila hubungi:

- Pasukan MASH Solihull di **0121 788 4300** (Isnin - Khamis 8.45 am - 5.20 pm, Jumaat 8.45 am - 4.30 pm). Jika anda menghubungi di luar waktu bekerja (malam, hujung minggu atau cuti bank) hubungi pasukan tugas kecemasan di **0121 605 6060**.
- Perkhidmatan Nasihat & Sokongan Kanak-kanak (CASS) Birmingham di **0121 303 1888**. Jika anda menghubungi di luar waktu bekerja (malam, hujung minggu atau cuti bank) hubungi pasukan tugas kecemasan di **0121 675 4806**.

Jika anda berasa bimbang tentang orang dewasa yang bekerja atau mempunyai hubungan langsung dengan kanak-kanak di tempat kerja mereka, sama ada sebagai ahli kakitangan berbayar atau sukarelawan – sila lawati:

<http://www.lscbbirmingham.org.uk/>

<http://solihullscb.co.uk/report-abuse.php>

Menghubungi CCG

Jika anda ingin menghubungi NHS Birmingham dan CCG Solihull, anda boleh menghubungi **0121 203 3300** atau emel bsol.comms@nhs.net

Beberapa soalan yang anda mungkin ingin bertanya ketika memilih perkhidmatan penyunatan

Adakah penyedia melakukan banyak penyunatan yang berjaya?

Lagi banyak mereka lakukan, biasanya menunjukkan prosedur yang lebih selamat. Minimum sepatutnya 20 setahun, tetapi lagi tinggi jumlahnya, lagi bagus.

Adakah penyedia berdaftar dengan Suruhanjaya Kualiti Penjagaan (CQC)?

Ini adalah pengawal selia untuk penyedia penjagaan kesihatan dan semua perkhidmatan penyunatan dengan doktor atau jururawat perlu didaftarkan. Lawati laman web di www.cqc.org.uk atau hubungi **03000 616161**.

Apakah kelayakan bagi individu yang menjalankan penyunatan?

Semak bahawa doktor berdaftar dengan Majlis Perubatan Am. Lawati laman web di www.gmc-uk.org atau hubungi **0161 923 6602**.

Jika prosedur diambil oleh jururawat, semak jika mereka berdaftar dengan Majlis Kejururawatan dan Perbidanan. Lawati laman web di www.nmc-uk.org atau hubungi **020 7637 7181**.

Berapa ramai orang yang berbeza akan memberikan penjagaan dan perkhidmatan kepada anak lelaki anda?

Adakah doktor, jururawat atau kakitangan jenis lain akan menjaga anak lelaki anda? Akan adakah doktor di tapak?

Adakah penyedia menawarkan penerangan maklumat tentang perkhidmatan dan yurannya?

Bertanya terlebih dahulu perkara ini dan minta penerangan tentang apa sahaja yang anda tidak faham. Jangan takut untuk bertanyakan soalan.

Adakah mereka sanggup untuk bincangkan sebarang keperluan khas yang mungkin anda ada?

Pastikan mereka mendengar dan bertindak pada sebarang keperluan yang mungkin anda ada.

Adakah anda dilayan dengan penuh hormat ketika bertanya tentang penjagaan dan perkhidmatan yang tersedia? Adakah mereka sensitif kepada nilai dan kepercayaan budaya anda?

Perkhidmatan klinikal perlu sentiasa melayan anda dengan penuh hormat.

Apakah jenis penjagaan susul yang mereka sediakan?

Anda perlu berada di perkhidmatan selama sekurang-kurangnya 30 minit. Mereka perlu memberikan nombor talian bantuan kakitangan 24 jam atau memberikan nama kakitangan untuk anda hubungi setelah anda pergi.

Bilakah prosedur dijalankan?

Jika prosedur dijalankan pada hujung minggu, adakah perkhidmatan yang diberikan menyokong di hujung minggu?

Bagaimanakah penyedia memastikan maklumat kerahsiaan kesihatan untuk anda dan keluarga anda?

Mereka perlu menggunakan komputer yang selamat atau sistem rekod.

Berapakah kos bagi setiap perkhidmatan?

Ini sepatutnya diterangkan dengan jelas secara bertulis.

Adakah mereka sejajar dengan apa yang penyedia lain caj untuk perkhidmatan yang sama?

Anda perlu mempertimbangkan untuk meminta beberapa perkhidmatan untuk kos mereka.

Bagaimanakah anda akan dibilkan?

Adakah semua opsyen kos dan pembayaran yang berkaitan dengan pelan penjagaan anda diterangkan dan digariskan pada bil anda secara konsisten?

Anda perlu mempertimbangkan sama ada anda membayar pendahuluan atau menerima invoice selepas itu.